

KESIMPULAN

5.1. PENDAHULUAN

Bahagian ini akan membentangkan rumusan dapatan tentang penyeliaan yang berkaitan dengan sejarah pengujudan dan pengoperasian penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah, amalan penyeliaan dan cadangan-cadangan untuk kajian dan peningkatan bidang penyeliaan pendidikan agama khususnya, sama ada yang bertugas di Ibu Pejabat, Pejabat Pendidikan Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Sabah.

5.2. DEFINISI DAN SKOP PENYELIAAN

Daripada tinjauan literatur tentang definisi dan konsep penyeliaan bolehlah dinyatakan bahawa penyeliaan adalah satu peranan yang dimainkan oleh banyak pihak iaitu Bahagian Pendidikan Islam sama ada di Kementerian atau di Jabatan Pendidikan negeri, pegawai (nazir) dari Jemaah Nazir Sekolah, pensyarah maktab, pihak pentadbir sekolah iaitu pengetua dan guru-guru kanannya

Penyeliaan dalam ertikata yang luas bererti segala kegiatan yang berkaitan dengan usaha memastikan segala tugas dalam satu-satu organisasi itu berjalan dengan lancar dan menepati objektifnya. Pengertian penyelian tradisional ialah ianya mengandungi unsur kawalan ke atas kakitangan. Sebagai satu daripada proses kecil pentadbiran, sememangnya penyeliaan membawa erti melibatkan kawalan kerja-kerja kakitangan agar tidak menyeleweng dari tujuan asas. Konsep ini berakar umbi di zaman pengurusan saintifik di mana segala usaha untuk memastikan keberkesanan organisasi adalah berlandaskan prinsip-prinsip saintifik. Dengan perkembangan ilmu pentadbiran, unsur-

unsur baru telah dipentingkan iaitu kepentingan unsur kemanusiaan dalam pentadbiran, dan tingkahlaku manusia sebagai unsur penting untuk memastikan keberkesanan pentadbiran dan daya pengeluaran yang maksimum. (Rahimah. 1986:24) Oleh itu penyeliaan membawa erti pemberian motivasi, pendorongan, dan bimbingan

Namun begitu penyeliaan tidak dapat dipisahkan dari fungsi pentadbiran untuk keberkesanan organisasi. Dalam organisasi pendidikan kita boleh bahagikan penyeliaan kepada dua jenis iaitu: penyeliaan tradisional yang banyak dilakukan oleh ketua kepada orang bawahannya, dan penyeliaan pengajaran (instructional supervision) iaitu penyeliaan secara langsung ke atas guru-guru yang terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran. (Rahimah.1986), inilah tugas profesional nazir. Mohd. Ali Yusof (1998).

5.3. FUNGSI PENYELIA PENDIDIKAN AGAMA

Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian sebelum ini, Dr. Adnan Yusof Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, JPPIM Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu tugas atau peranan penyelia pendidikan agama itu secara umumnya adalah membawa misi dan hasrat pengujudan Bahagian Pendidikan Islam sejak ditubuhkan. Ini bermaksud piagam JAPPIM, SPPIM adalah fungsi dan peranan para penyelia sama ada berbentuk penyeliaan pentadbiran atau penyeliaan pengajaran.

Oleh itu peranan atau fungsi penyelia pendidikan tidaklah banyak berubah sejak diwujudkan malah bertambah kompleks dengan suasana pendidikan zaman kini yang sentiasa berkembang dengan terlalu cepat.

Peranan para penyelia dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang telah

diamanahkan berdasarkan kenyataan di atas. Dengan itu boleh kita ringkaskan fungsi penyelia pendidikan agama kepada empat bahagian utama:

- Pertama:** Pentadbiran (Perjawatan dan Penempatan Guru)
- Kedua:** Akademik (Kurikulum dan Pengajaran Guru)
- Ketiga:** Dakwah dan Kemasyarakatan
- Keempat:** Pembangunan.

5.4 SEJARAH KEWUJUDAN PENYELIA PENDIDIKAN AGAMA DI PEJABAT PENDIDIKAN BAHAGIAN

Hasil dapatan bolehlah dirumuskan bahawa kewujudan Penyelia Pendidikan Agama di Pejabat Pendidikan Bahagian adalah dalam lingkungan awal tahun 80-an. Yang paling awal 1981 dan yang terakhir pada tahun 1988.

5.5 AMALAN PENYELIAAN

Hasil dapatan menunjukkan:

- 5.5.1. Sebahagian besar penyelia menumpukan kepada tugas pejabat (pentadbiran) 54.5%, dan 45.5% lagi untuk tugas penyeliaan pengajaran.
- 5.5.2. Semua penyelia menjalankan penyeliaan mengikut keperluan.
- 5.5.3. Mengenai tugas yang dilakukan sekiranya tidak menjalankan penyeliaan dapatan adalah seperti berikut: (n=11)

Menyediakan laporan:	54.5% (6)
Mengurus Perjawatan Guru:	27.3% (3)
Melayan guru yang berurusan:	100% (11)
Memberi Kursus yang berkaitan:	63.6 % (7)
Menjalankan tugas Pejabat yang lain:	100% (11)

- 5.5.4. Tujuan penyelia ke sekolah adalah untuk melihat pengajaran guru, memberikan orientasi kepada guru, dan mengesahkan laporan Nazir atau laporan yang kurang baik.
- 5.5.5. Tujuan lain penyelia ke sekolah adalah untuk menyampaikan maklumat dari Ibu Pejabat/Bahagian, mengurus kebajikan guru, dan mengurus aktiviti agama Islam.
- 5.5.6. Hanya 18.2% (2) sahaja yang memaklumkan pihak sekolah (guru) sebelum datang ke sekolah untuk menyelia. Berbanding dengan 81.8% mereka yang menyatakan kadang-kadang tidak. Ini menunjukkan bahawa penyelia sengaja tidak memaklumkan supaya guru sentiasa bersedia. Cara pemakluman ialah melalui telefon atau surat bagi sekolah yang tidak mempunyai telefon.
- 5.5.7. Objektif penyeliaan adalah ditetapkan di peringkat pejabat. Sesampai di sekolah, perbincangan akan juga diadakan dengan guru yang diselia.
- 5.5.8. Semua penyelia (100%) membuat catatan dalam Buku Catatan Rasmi dan borang penyeliaan, begitu juga dalam Buku Rekod Mengajar Guru semasa menjalankan penyeliaan (pencerapan).
- 5.5.9. Perkara yang diperhatikan semasa menyelia ialah tentang kekuatan yang perlu dikembangkan, kelemahan yang perlu diperbaiki dan keupayaan mengawal kelas dan kesilapan pengajaran semasa menyelia.
- 5.5.10. Semua penyelia (100%) menjalankan perbincangan dengan guru selepas menyelia tentang kekuatan pengajaran, kelemahan dan mencadangkan kaedah atau sumber baru yang boleh membantu pengajaran guru.

5.5.11. Hampir semua (90.9%) menyatakan dapat menjalankan penyeliaan tetapi tidak sepenuhnya kerana/masih ada sekolah yang tidak dapat diselia. Dan 9.1%(1) menyatakan tidak kerana kawasan terlalu besar/banyak tugas lain yang diutamakan.

5.5.12. Masalah atau kekangan yang dihadapi semasa menjalankan penyeliaan adalah seperti berikut:

- (i) Lokasi kawasan yang terpencil (jauh) kesukaran perhubungan.
- (ii) Terlalu banyak tugas yang terpaksa diambil perhatian.
- (iii) Ramai guru sandaran tidak terlatih.
- (iv) Masa agak terhad kerana tumpuan juga perlu diberikan kepada menyelesaikan/melaksanakan tugas-tugas di pejabat.
- (v) Pelajar terlalu sibuk, banyak mata pelajaran di sekolah

5.6. CADANGAN UNTUK KEMAJUAN PENYELIAAN PENDIDIKAN DI JPN

5.6.1. Pengagihan tugas Penyelia pendidikan agama khas dan ditambah pembantu yang berkaitan seperti Guru Sumber (GS) di peringkat bahagian dan sekolah.

5.6.2. Penyelia pendidikan agama adalah dari kalangan Guru Agama.

5.6.3. Pentadbiran dan format penyeliaan hendaklah dikemaskini.

5.6.4. Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu banyak didedahkan dengan kursus P&P semasa.

5.6.5. Banyakkan lagi bekalan bahan P&P di Sekolah.

5.6.6. Penyelia pendidikan agama di daerah mesti diwujudkan sekurang-

- kurangnya DG5, dan di bahagian seorang DG3.
- 5.6.7. Penyelia Pendidikan Agama Siswazah untuk sekolah menengah.
- 5.6.8. Nisbah penyelia dan sekolah yang seimbang.
- 5.6.9. Wujudkan latihan penyelia.
- 5.6.10. Pastikan sekurang-kurangnya 85% guru pendidikan Islam adalah anak Sabah.
- 5.6.11. Peningkatkan kemahiran penyelia.
- 5.6.12. Pastikan penyelia menjadi *role model* (uswahtul hasanah) dengan Dakwah Bil Hal.

Kesimpulan daripada analisis data soal selidik bentuk amalan penyeliaan bolehlah dirumuskan bahawa penyeliaan adalah terbahagi kepada dua bahagian iaitu penyeliaan klinikal atau lebih dikenali sebagai penyeliaan pengajaran yang lebih menumpukan kepada pencerapan dalam bilik darjah, manakala penyeliaan yang satu lagi ialah penyeliaan pentadbiran atau penyeliaan umum. Lebih ketara penyelia jenis ini yang menjadi tumpuan para penyelia pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah. Oleh kerana kajian seumpama ini adalah mungkin pertama kali dalam bentuknya maka dapatan ini adalah lebih kepada untuk memberi maklumat tentang cara bagaimana para penyelia menjalankan penyeliaan. Berdasarkan dapatan melalui soal selidik dan temu ramah dengan bekas penyelia, kesimpulan yang boleh diambil ialah tidak ada perbezaan yang ketara kerana semua penyelia ini menyelia berdasarkan bagaimana pengalaman yang mereka telah lalui dahulu. Inilah mungkin yang dimaksudkan oleh Glickman (1985) yang menyatakan sekiranya disingkap kulit luar penyelia, maka yang akan ditemui adalah kulit seorang guru.

5.7. CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Oleh kerana bidang penyeliaan ini adalah satu bidang yang luas maka untuk konteks negeri Sabah adalah dicadangkan kajian akan datang seperti berikut dapat dijalankan:-

- 5.7.1. Sejauh manakah penerimaan guru-guru pendidikan Islam terhadap penyeliaan yang dilakukan oleh Penyelia Pendidikan Islam
- 5.7.2. Keberkesanan kursus yang dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam dalam meningkatkan pengajaran guru sandaran pendidikan Islam.

PENUTUP

Kajian ini adalah satu usaha permulaan untuk mendokumentasikan catatan pendidikan di Sabah khususnya perkembangan penyelia pendidikan agama yang telah dan sedang berkhidmat di Sabah. Sebagai langkah permulaan tentu banyak yang tertinggal dan terlepas pandang, namun saya mengharapkan catatan ringkas ini akan menjadi batu asas untuk meningkatkan taraf penyeliaan pendidikan agama di negeri Sabah.